

# Bersama memulihara hutan

► *SPTA UMS tanam pokok pupuk kesedaran pelajar baharu*

Oleh I.SAB KHAN MUKARAB SHAH  
i.sabkhanUB@gmail.com

**KOTAKINABALU:** Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa (SPTA) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan program penanaman pokok bagi memupuk kesedaran siswa siswi baharu tentang kepentingan hutan.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata program berkenaan adalah anjuran kali kedua SPTA pada Minggu Suai Kenal (MSM) ke-17, UMS.

“Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada siswa siswi tentang pentingnya pemeliharaan alam sekitar selain memupuk rasa cinta untuk pemuliharaannya,” katanya ketika berucap pada

Program Penanaman Pokok, Minggu Suai Mesra SPTA di sini, kelmarin.

Teks ucapannya disampaikan oleh Timbalan Naib Kanselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof Madya Datuk Dr Kasim Mansur.

Harun berkata pada program itu setiap pelajar akan menanam satu batang pokok dan pokok itu akan dijadikan pokok angkat kepada pelajar yang dinamakan ‘My Tree’.

“Setiap pelajar akan menjaga pokok yang ditanam sepanjang berada di UMS dan amalan ini adalah simbol dan pemuliharaan hutan.

“Ianya juga sebagai peringatan bagi kita bahawa kita perlu memupuk generasi muda tentang pemuliharaan dan pendidikan alam sekitar,” katanya.

Beliau berkata pokok



**“** Setiap pelajar akan menjaga pokok yang ditanam sepanjang berada di UMS dan amalan ini adalah simbol dan pemuliharaan hutan. Ianya juga sebagai peringatan bagi kita bahawa kita perlu memupuk generasi muda tentang pemuliharaan dan pendidikan alam sekitar. **”**

**PROF DATUK DR MOHD HARUN ABDULLAH**  
*Naib Canselor UMS*



(atas) KASIM ketika menerima cenderamata.

(kiri) KASIM ketika menanam pokok sebagai gimik perasmian.

adalah umpama nadi bagi manusia, menanam lebih banyak pokok pasti dapat mengurangkan kesan pencemaran dan pemanasan global.

“Pokok bertindak sebagai penapis pencemaran udara,

mencegah hakisan tanah dan menyegarkan alam sekitar.

“Memupuk sikap cintakan alam semulajdai sedikit sebanyak mampu merubah minda orang ramai terhadap kepentingan hijau dalam kehidupan,” katanya.



**PELAJAR baharu SPTA.**